



# The Sarawak Museum Journal

Vol. LV No. 76  
December 2000



ISSN: 0375-3050

E-ISSN: 3036-0188

Citation: Nordi bin Achie. (2000). Perjuangan Wanita dalam Gerakan Anti Penyerahan 1946-1950. The Sarawak Museum Journal, LV (76): 151-180

## PERJUANGAN WANITA DALAM GERAKAN ANTI PENYERAHAN 1946-1950

**Nordi bin Achie**

### INTRODUCTION

Pada 1 Julai 1946, Sarawak dengan rasminya diisytiharkan sebagai tanah jajahan kolonial British.<sup>1</sup> Akibatnya, muncul fenomena anti penyerahan yang berlaku di seluruh Sarawak. Antaranya ialah di Sibu, Miri, Bintulu, Limbang, Lawas, Simanggang dan Sedan. Ia tercetus di Kuching dan mencapai klimaks di Sibu.<sup>2</sup>

Hanya penduduk bumiputera sahaja yang terbabit secara aktif dalam gerakan anti penyerahan. Ia diperjuangkan melalui Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Persatuan Dayak Sarawak, Persatuan Pemuda Melayu, Persatuan Melayu Miri, Perhimpunan Kebajikan Baram, Kesatuan Melayu Muda Matu, Kelab Kesetiaan Dalat, Watasan Ketiga, Watasan Keempat, Sulam Mas Seria, Persatuan Melayu Limbang, Persatuan Melayu Simanggang, Laa Lla Daiman Abada Oya, Angkatan Semangat Anak Sarawak, Barisan Pemuda Sarawak. Ini termasuk Persatuan Wanita Melayu Sarawak dan Kaum Ibu Persatuan Pemuda Melayu.<sup>3</sup>

Bagi kaum ibu, suara mereka disalurkan melalui Persatuan Wanita Melayu Sarawak dan Kaum Ibu Persatuan Pemuda Melayu. Lazimnya, mereka menyatakan bantahan melalui demonstrasi, perarakar, rapat umum dan pemulauan secara besar-besaran, menghantar memorandum, surat bantahan dan rayuan serta solat hajat. Kuching dan Sibu adalah dua pusat gerakan anti penyerahan. Lebih-lebih lagi di Sibu, gerakan anti penyerahan lebih radikal dan agresif berbanding di tempat lain.<sup>4</sup> Di Kuching pula, demonstrasi anti penyerahan diadakan tiga bulan sekali.

# PERJUANGAN WANITA DALAM GERAKAN ANTI PENYERAHAN 1946 – 1950

oleh

Nordi bin Achie

## Pengenalan

**P**ada 1 Julai 1946, Sarawak dengan rasminya diisytiharkan sebagai tanah jajahan kolonial British.<sup>1</sup> Akibatnya, muncul fenomena anti penyerahan yang berlaku di seluruh Sarawak. Antaranya ialah di Sibu, Miri, Bintulu, Limbang, Lawas, Simanggang dan Serian. Ia tercetus di Kuching dan mencapai klimaks di Sibu.<sup>2</sup>

Hanya penduduk bumiputera sahaja yang terbabit secara aktif dalam gerakan anti penyerahan. Ia diperjuangkan melalui Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak, Persatuan Dayak Sarawak, Persatuan Pemuda Melayu, Persatuan Melayu Miri, Perhimpunan Kebajikan Baram, Kesatuan Melayu Muda Matu, Kelab Kesetiaan Dalat, Watasan Ketiga, Watasan Keempat, Sulam Mas Seria, Persatuan Melayu Limbang, Persatuan Melayu Simanggang, Laa Lla Daiman Abada Oya, Angkatan Semangat Anak Sarawak, Barisan Pemuda Sarawak. Ini termasuk Persatuan Wanita Melayu Sarawak dan Kaum Ibu Persatuan Pemuda Melayu.<sup>3</sup>

Bagi kaum ibu, suara mereka disalurkan melalui Persatuan Wanita Melayu Sarawak dan Kaum Ibu Persatuan Pemuda Melayu. Lazimnya, mereka menyatakan bantahan melalui demonstrasi, perarakan, rapat umum dan pemulauan secara besar-besaran, menghantar memorandum, surat bantahan dan rayuan serta solat hajat. Kuching dan Sibu adalah dua pusat gerakan anti penyerahan. Lebih-lebih lagi di Sibu, gerakan anti penyerahan lebih radikal dan agresif berbanding di tempat lain.<sup>4</sup> Di Kuching pula, demonstrasi anti penyerahan diadakan tiga bulan sekali.

Akibat daripada penyerahan Sarawak, ia mencetuskan pelbagai dimensi konflik di Sarawak. Konflik bukan sekadar berlaku antara rakyat dengan British, malahan sesama rakyat terutamanya di kalangan masyarakat Melayu.<sup>6</sup> Mereka terbahagi kepada golongan anti dan pro penyerahan.<sup>7</sup> Keadaan ini turut di tempuh oleh kaum ibu.

Penulis membincangkan tajuk berdasarkan lima aspek iaitu faktor kebangkitan kaum ibu, pengasasan persatuan kaum ibu, matlamat dan objektif, peranan dan penglibatan dan berakhirnya gerakan kaum ibu dalam anti penyerahan pada awal 1950-an.

### Faktor-Faktor Kebangkitan Kaum Ibu

Penentangan kaum ibu sebenarnya bukan satu fenomena ‘pak turut’ semata-mata.<sup>8</sup> Mereka mempunyai prinsip dan pendirian seperti kaum bapa. Kaum ibu sedar rasional mereka terlibat dalam gerakan anti penyerahan. Penyerahan Sarawak bukanlah perkara yang remeh. Ia membabitkan isu bangsa dan tanah air. Bagi kaum ibu, mereka tidak seharusnya hanya menjadikan pemerhati dan pendengar sahaja. Walhal, peranan dan sumbangan kaum ibu amat diperlukan.<sup>9</sup>

Bagi kaum ibu, penyerahan Sarawak kepada British bererti penjajahan bangsa dan tanah air. Tidak ada bangsa bermaruah yang rela dan redha dirinya dijajah. Maruah bangsa dan kedaulatan tanah air akan tercemar. Penjajahan adalah simbol kehinaan yang tidak punah. Justeru, seperti yang ditegaskan oleh pejuang anti penyerahan, “mengapa kita harus berdiam diri apabila dijajah oleh kolonial British.”<sup>10</sup>

Kaum ibu sedar bahawa penjajahan menyebabkan *status quo* peribumi terhapus. Mereka hilang hak milik dan pusaka terhadap tanah air. Kedudukan dan taraf mereka disamakan dengan bangsa asing dan pendatang. Ia amat bercanggah dengan realiti pada zaman regim Brooke yang mengiktiraf hak putera bumi. Penjajahan merugikan peribumi dan generasi akan datang.